

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

PROSEDUR KERJA SENARAI SEMAK PEMBAYARAN

TAJUK : BAYARAN ELAUN GURU PEMBIMBING

TARIKH UBAHSUAI : 31 DISEMBER 2018

MUKASURAT : 1/5

Bil	Perkara	Maklumat Yang Perlu Disemak	Rujukan
1.	Bayaran Elaun Guru Pembimbing	<p>Elaun yang dibayar kepada guru atau penyelia yang membimbing seseorang guru pelatih program praktikum I dan II bagi semua kursus perguruan pra perkhidmatan :-</p> <ul style="list-style-type: none">i. Kursus Perguruan Lulusan Ijazah Sek. Menengah (KPLI-SM)ii. Kursus Perguruan Lulusan Ijazah Sek. Rendah (KPLI - SR)iii. Kursus Teaching English To Young Learners (B.ED TEYL)iv. Kursus (B.ED TESL)v. Kursus Perguruan Lulusan Diplomavi. Kursus Dalam Cuti (KDC)vii. Kursus Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikanviii. Kursus Perguruan Asas - lima semester dengan kepujian (PISMP) sebanyak 50% daripada kadar elaun yang diluluskan kepada mereka yang membimbing guru pelatih. <p>TAKRIFAN</p> <p>GURU PEMBIMBING</p> <p>Guru sekolah atau pensyarah dari institusi berkenaan yang berpengalaman dan dilantik oleh pihak sekolah / institusi berkenaan sebagai pembimbing serta penilai kepada pelajar yang menjalani praktikum dengan persetujuan JPN atau jabatan untuk membimbing dan menilai guru pelatih yang menjalani praktikum. Guru - guru pembimbing terdiri daripada guru siswazah dan bukan siswazah. Lantikan guru pembimbing di lantik oleh pihak Pengarah Pelajaran Negeri masing-masing.</p>	<p>Garis panduan praktikum definisi istilah Borang Tuntutan Elaun ini adalah mengikut format Institut Pendidikan Guru berkenaan</p>

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

PROSEDUR KERJA SENARAI SEMAK PEMBAYARAN

TAJUK : BAYARAN ELAUN GURU PEMBIMBING

RUJUKAN DOKUMEN : 31 DISEMBER 2018

MUKASURAT : 2/5

Bil	Perkara	Maklumat Yang Perlu Disemak	Rujukan
	Bayaran Elaun Guru Pembimbing	<p>GURU PELATIH Pelajar atau pelatih perguruan yang menjalani praktikum, atau latihan pra perkhidmatan mode yang dianjurkan oleh mana - mana Institut Pendidikan Guru Malaysia yang terdiri daripada siswazah dan bukan siswazah.</p> <p>PELATIH SISWAZAH Guru - guru pelatih berkelulusan Universiti yang di iktiraf oleh kerajaan untuk menjalani praktikal di Institut Pendidikan Guru Malaysia.</p> <p>PELATIH BUKAN SISWAZAH Guru - guru pelatih yang menjalani praktikal dari mana - mana Institut Pendidikan Guru Malaysia yang di iktiraf oleh Kerajaan.</p> <p>PRAKTIKUM Latihan praktik yang merupakan komponen wajib dalam program pendidikan guru. Praktikum memberi peluang kepada pelajar untuk mengamalkan pengetahuan, kemahiran dan nilai keguruan secara reflektif dalam situasi sebenar bilik darjah dan sekolah. Pelaksanaan program peringkat ini memberi tumpuan kepada proses pengajaran dan pembelajaran dengan bimbingan pensyarah pembimbing dan guru pembimbing melalui perkongsian pintar dan permuafakatan antara agensi-agensi KPM.</p>	

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

**PROSEDUR KERJA
SENARAI SEMAK PEMBAYARAN**

TAJUK : BAYARAN ELAUN GURU PEMBIMBING

RUJUKAN DOKUMEN : 31 DISEMBER 2018

MUKASURAT : 3/5

Bil	Perkara	Maklumat Yang Perlu Disemak	Rujukan
	Bayaran Elaun Guru Pembimbing	<p>1.0 Pastikan Tuntutan Bayaran Elaun Guru Pembimbing dan dokumen sokongan berikut disertakan :</p> <p>1.1 Borang Perakuan Tuntutan</p> <p>1.2 Surat Lantikan Guru Pembimbing kepada Guru Pelatih</p> <p>1.3 Salinan Akaun Bank</p> <p>1.4 Slip Keputusan Peperiksaan BITK</p> <p>2.0 Semak bulan dan tahun kewangan, jika bukan tahun semasa pastikan Sijil AP58(a) disertakan & memenuhi syarat berikut :-</p> <p>2.1 Tuntutan hendaklah dibayar dalam tahun kewangan kelulusan AP58(a) diterima;</p> <p>2.2 Baki peruntukan dalam tahun kewangan perbelanjaan dan baki peruntukan semasa adalah mencukupi;</p> <p>2.3 Sekiranya syarat AP58(a) tidak dipatuhi, pastikan surat kelulusan perbendaharaan disertakan.</p> <p>3.0 Pegawai Yang layak</p> <p>Pegawai yang layak menerima Bayaran Insentif Tugas Kewangan adalah seperti berikut :</p>	<p>Lampiran A</p> <p>Lampiran B</p> <p>Arahan Perbendaharaan 58(a)</p>

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

PROSEDUR KERJA
SENARAI SEMAK PEMBAYARAN

TAJUK : BAYARAN ELAUN GURU PEMBIMBING

RUJUKAN DOKUMEN : 31 DISEMBER 2018

MUKASURAT : 4/5

Bil	Perkara	Maklumat Yang Perlu Disemak	Rujukan
	Bayaran Elaun Guru Pembimbing	<p>4.0 Pegawai Yang Tidak layak</p> <p>Pegawai yang tidak layak menerima Bayaran Insentif Tugas Kewangan adalah seperti berikut :</p> <p>4.1 Pegawai yang meninggalkan tugasnya selama 28 hari dan lebih secara berturut - turut.</p> <p>4.2 Pegawai yang berkursus lebih dari 3 bulan, sama ada di dalam atau di luar negeri.</p> <p>5.0 Kadar Kelayakan</p> <p><u>GURU PEMBIMBING BERIJAZAH</u> RM 80.00 sebulan</p> <p><u>GURU PEMBIMBING BUKAN BERIJAZAH</u> RM60.00 sebulan</p> <p>Sekiranya kurang sebulan, elaun dikira secara '<i>proportionate</i>' manakala tugas tambahan tidak boleh di ambilkira sebagai kerja lebih masa.</p>	

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

PROSEDUR KERJA
SENARAI SEMAK PEMBAYARAN

TAJUK : BAYARAN ELAUN GURU PEMBIMBING

RUJUKAN DOKUMEN : 31 DISEMBER 2018

MUKASURAT : 5/5

Bil	Perkara	Maklumat Yang Perlu Disemak	Rujukan
	Bayaran Elaun Guru Pembimbing	6.0 KOD OBJEK Kod Objek yang dipertanggungjawabkan ialah 29199 - Perkhidmatan yang lain	Pekeliling Perbendaharaan 1PP – PS 1.1 (Penjenisan Kod Bagi Hasil dan Perbelanjaan)

Lampiran A